

## KUMPULAN CAGAMAS MENGUTAMAKAN KEMAMPANAN DAN PERTUMBUHAN STRATEGIK PADA 2024



*Dari kiri: Abdul Hakim Amir Zainol, Ketua Pegawai Kewangan, Cagamas Berhad, Dato' Bakarudin Ishak, Pengerusi, Cagamas Holdings Berhad dan Kameel Abdul Halim, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Cagamas Berhad.*



*Dari kiri: Kameel Abdul Halim, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Cagamas Berhad, Cagamas Berhad, Dato' Bakarudin Ishak, Pengerusi, Cagamas Holdings Berhad dan Abdul Hakim Amir Zainol, Ketua Pegawai Kewangan, Cagamas Berhad.*

**Kuala Lumpur, 30 April 2024** – Cagamas Holdings Berhad (“Kumpulan”) mengesahkan komitmennya ke arah memenuhi kemampanan dan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (“ESG”). Ia menggariskan hala tuju strategik yang akan terus mengekalkan kepimpinannya dalam kewangan perumahan mampan pada Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke-17. Pencapaian kewangan Kumpulan bagi 2023 juga diumumkan, menunjukkan prestasi kukuh dan berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM447.8 juta bagi tahun 2023. Pencapaian ini disokong oleh pelaburan proaktif Kumpulan dan strategi pengumpulan dana, yang menyaksikan portfolio aset Pembelian Dengan Rekursu berkembang sebanyak 6.1%, berjumlah RM20.5 bilion daripada institusi kewangan. Kumpulan memperoleh RM29.3 bilion dalam jumlah dana pada 2023, mencatatkan rekod pertumbuhan 17.7% berbanding tahun sebelumnya.

Berikutan pemansuhan Skim Rumah Pertamaku (“SRP”) pada April 2023, Kumpulan telah memperkenalkan satu produk inovatif baharu yang dikenali sebagai ‘Program Jaminan Gadai Janji Rumah Pertama’ (“FHMGP”). Bertujuan untuk memperluaskan kebolehcapaian pembiayaan rumah kepada pelbagai lapisan rakyat Malaysia yang lebih luas, FHMGP mempunyai beberapa ciri yang dipertingkatkan berbanding dengan produk SRP dan dijangka menyumbang kepada aliran hasil masa hadapan dan kedudukan pasaran Kumpulan.

Komitmen Kumpulan terhadap prinsip ESG terbukti dalam kemajuan berterusannya ke arah mencapai matlamat kemampanannya. Ini termasuk pembangunan Piawaian Rumah Hijau Cagamas (“CGHS”) dengan kerjasama Bank Pembangunan Asia yang merupakan satu langkah ke arah memudahkan pertumbuhan gadai janji kediaman hijau dan cekap tenaga di Malaysia. Kumpulan juga berjaya menambah RM1.2 bilion kepada aset hijau/mampannya, sejajar dengan objektifnya untuk meningkatkan aset hijau/mampan kepada 10% daripada jumlah aset menjelang 2030.

Mengulas inisiatif Kumpulan yang berpandangan ke hadapan, Pengerusi Kumpulan, Dato' Bakarudin berkata, "Ketika kami menjalankan peranan kami dalam menyokong perumahan hijau dan mampu milik, kami berharap pengenalan CGHS akan membuka jalan kepada penanda aras baharu untuk mengharmonikan penilaian penarafan pelbagai tenaga hijau yang cekap bagi hartanah kediaman yang berbeza-beza. Ini akan memudahkan pertumbuhan gadai janji hijau dan cekap tenaga dalam sektor kewangan perumahan."

"Pembangunan CGHS dan FHMGP menggariskan dedikasi kami untuk mengembangkan perniagaan teras kami dan memperkenalkan inovasi dalam kewangan perumahan hijau. Usaha ini menyokong peranan kami sebagai sebuah syarikat gadai janji nasional untuk menggalakkan pemilikan rumah melalui pembiayaan perumahan yang mampan dan sebagai penyedia mudah tunai pilihan dalam pasaran," tambah beliau lagi.

Melihat ke masa hadapan, Kumpulan Cagamas memberi tumpuan untuk meningkatkan rangka kerja kemampanan dan keupayaan ESG. Hala tuju strategik Kumpulan, diterajui oleh pelan strategik lima tahunnya, bermatlamat untuk meletakkan Cagamas sebagai pusat kecemerlangan dalam ekosistem pembiayaan rumah dan menyatakan aspirasinya untuk memacu kemajuan dalam kewangan perumahan yang mampan.

-TAMAT-

## **Mengenai Cagamas Holdings Berhad**

Diperbadankan pada 2007, Cagamas Holdings Berhad merupakan syarikat induk Cagamas Berhad, Cagamas MBS Berhad, Cagamas SME Berhad, BNM Sukuk Berhad, Cagamas SRP Berhad dan Cagamas MGP Berhad.

Anak syarikat milik penuhnya, Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang ke arah pembangunan negara. Ia menyumbang ke arah pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan sektor keutamaan lain melalui penerbitan instrumen inovatif. Penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang berpatutan kepada pemberi pinjaman utama pinjaman perumahan menggalakkan pengembangan pembiayaan untuk rumah pada kos yang berpatutan. Cagamas MBS Berhad (CMBS) ialah perantara tujuan khas yang ditubuhkan untuk memudahkan transaksi pensukuritan bersandarkan aset manakala Cagamas SRP Berhad menyediakan jaminan gadai janji kepada pemberi pinjaman utama.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Kumpulan telah menerbitkan secara kumulatif sebanyak RM423.8 bilion bon konvensional dan sukuk serta termasuk penerbitan mata wang asing bersamaan Ringgit sebanyak RM19.9 bilion dan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman sebanyak RM10.2 bilion.

Bon dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA<sub>IS</sub>/MARC-1<sub>IS</sub> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service Inc. yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia. Begitu juga, terbitan oleh CMBS terus diberi

penarafan AAA/Stabil masing-masing oleh RAM dan MARC, mencerminkan kualiti unggul aset-aset pendasar.

## **Cagamas Holdings Berhad**

No Pendaftaran No. 200701004048 (762047-P)

Tingkat 32, The Gardens North Tower

Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur

Tel: +603 - 2262 1800 | Faks: +603 - 2282 9125

[www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my)

## **Pertanyaan Media**

Leanne Susau

Tel: +603 - 2262 1719

Lucia Wee

Tel: +603 - 2262 1868

E-mel: [communications@cagamas.com.my](mailto:communications@cagamas.com.my)